

**MAJLIS PELANCARAN  
PROJEK JEJAK KAMPUS 2011  
(KESINAMBUNGAN PROGRAM SELANGKAH KE UNIVERSITI)**

**Teks Ucapan**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. MD ISA SABU  
Menteri Besar Perlis  
pada 18 Februari 2011 (Jumaat)  
di Dewan Capitol UniMAP, Kangar Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Yang Berbahagia Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin  
Hussin, Naib Canselor UniMAP,

Yang Berbahagia Datin Seri Mahani Bt. Abd. Hamid  
Wakil Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri  
(BAKTI)

Yang Berbahagia En. Mansor B. Lat, Pengarah Jabatan  
Pelajaran Negeri Perlis

## SALUTATION - TBC

Dekan-dekan, ketua-ketua Jabatan,

Pengetua-Pengetua Sekolah

Wakil – wakil Media,

Para peserta Projek JEJAK Kampus

Seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Maha Mengetahui apa yang tersurat dan yang tersirat. Segala pujiannya yang memberikan kita kekuatan dan kesempatan bagi berkumpul pada petang yang berbahagia ini dalam Majlis Pelancaran Projek Jejak Kampus 2011 yang merupakan kesinambungan Program Selangkah ke Universiti yang telah diadakan pada 1 Julai 2010 yang lalu.
  
2. Jutaan terima kasih saya titipkan buat pihak pengajur iaitu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri (BAKTI), Jabatan Pelajaran Perlis dan Majlis Guru Cemerlang Perlis di atas kesudian mengundang saya untuk melancarkan program pada petang ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak pengajur di atas kejayaan menganjurkan Program Selangkah ke Universiti yang diadakan pada 1 Julai 2010 yang lalu. Saya berpeluang hadir pada majlis tersebut dan saya berasa sangat terharu kerana keprihatinan UniMAP dengan kerjasama BAKTI & JPN yang berusaha menghimpunkan para pelajar dari 26 sekolah menengah negeri Perlis untuk merasai suasana kampus UniMAP ini. Tambahan pula, keutamaan diberikan kepada 8 pelajar pelbagai aliran dari setiap sekolah kerana mereka adalah pelajar dalam keluarga yang masih belum berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.
4. Usaha yang dilakukan oleh UniMAP ini bertambah murni kerana, bagi memastikan para pelajar yang terpilih ini tidak tercicir, UniMAP mengambil 200 peserta ini sebagai anak angkat dan dipantau oleh pusat – pusat pengajian UniMAP mengikut aliran yang diambil disekolah.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, pada tahun 2009, seramai 5,520 anak

Perlis telah berjaya menjakkan kaki ke menara gading dalam pelbagai bidang. Dari 5,520 orang itu, seramai 2,102 pelajar lelaki dan 3,418 adalah pelajar perempuan. Statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.7% dari tahun 2008. Namun jika dilihat secara ‘ranking’ berbanding dengan negeri lain, Perlis masih berada di kedudukan ke -14 selepas negeri Melaka.

6. Justeru itu, saya amat percaya ‘Projek Jejak Kampus’ yang diadakan pada hari ini adalah sebagai menyambung usaha – usaha murni dalam memastikan anak – anak Perlis terus maju dan tidak tercincir kebelakang. Sebagai bekas pendidik, saya dapat memahami perasaan para pendidik yang lain. Saya pasti, setiap pendidik mahukan yang terbaik untuk anak didiknya. Pastinya di peringkat sekolah, seorang guru mahukan keputusan yang cemerlang bagi pelajarnya seterusnya berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading. Hal yang sama juga akan berlaku apabila pelajar tersebut berada di menara gading. Setiap pensyarah akan berusaha sehabis baik bagi memastikan para pelajarnya akan bergraduat dengan keputusan yang cemerlang - **pass with the flying color.**
7. Inisiatif UniMAP yang tidak jemu-jemu dalam terus memperkasakan pendidikan negeri Perlis ini amat menyentuh sanubari saya sebagai Ketua Pentadbir

negeri ini. Ibarat kata gurindam

*“Tuan umpama pohon yang rendang,  
Tempat semua dapat berteduh”*

*“Apa yang dijahit, menjadi baju,  
Apa yang ditanam, cepat tumbuh”*

*“Manakan Tuan tidak pemurah..  
Belum diminta, tuan sudah beri,  
Belum ditadah, sudah diisi,  
Belum di sebut, tuan sudah faham..”*

*“Maka itulah..  
Kalau UniMAP turun ke padang, kenyanglah belalang,  
Kalau UniMAP turun ke laut, kenyanglah ikan..  
Kalau UniMAP ke udara, kenyanglah burung...  
Dan UniMAP berada di sini..beruntungnya negeri ini...”*

Hadirin yang saya hormati sekalian,

- 8.** Peluang hari ini tidak sama peluang di zaman 80'an. Satu ketika dahulu, universiti hanya menunggu kedatangan mahasiswanya, namun hari ini telah berubah. Atas keprihatinan Kerajaan yang sentiasa mengutamakan rakyat terutamanya dalam bidang pendidikan khususnya dalam memastikan

kesinambungan pelajaran anak-anak muda, maka tanggungjawab universiti hari ini telah ditransformasikan. Usaha mencari pelajar hingga ke rumah dan dinaungi kebajikan mereka sehingga bergelar ‘mahasiswa’ merupakan agenda nasional yang dimainkan oleh IPTA di Malaysia.

9. Suka saya memetik dari ucapan Y.A.Bhg. Datin Paduka Sri Rosmah Mansor, Yang DiPertua BAKTI yang juga merupakan Penaung Projek ini. Dalam ucapan ketika menghadiri Majlis Deklemasi Puisi di UMP Januari lalu, beliau berkata ‘

***“Kepesatan pembangunan negara menyaksikan lebih banyak pintu di buka untuk golongan anak muda untuk melanjutkan pelajaran. Apa yang diharapkan adalah mereka akan menjadi individu bijaksana yang mampu menambah nilai kepada kemajuan negara. Dalam konteks ini. Saya ingin menyeru kepada para pelajar sekalian agar menginsafi kebijaksanaan saudara dan saudari sekalian. Menguasai pelbagai cabang dan disiplin ilmu semata-mata tidak akan menjadikan anda insan yang syumul sekiranya aspek keluhuran peribadi dan ketinggian pekerti di abaikan. Saya benar-benar berharap agar saudara dan saudari sekalian bukan sahaja dapat memperkasakan diri dalam bidang intelek, bahkan melengkapkan diri***

*dengan ilmu agama dan keperibadian mulia agar dapat membina satu generasi yang berilmu, beriman dan bertakwa. Saya khuatir, sekiranya nilai-nilai seumpama ini dikesampingkan, generasi muda akan hanya mementingkan aspek material dan keduniaan semata-mata. Maka pasti kita akan berhadapan dengan keadaan dunia yang lebih mengharukan.*

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Ini sekaligus membuktikan bahawa kerajaan sangat prihatin terhadap penguasaan ilmu bukan sahaja dari bangku sekolah malah hingga berada di menara gading. Saya juga ingin menyeru kepada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi yang lain di negeri Perlis agar mengambil langkah yang pro-aktif seperti UniMAP agar keberadaan IPT ini berjaya menyumbangkan kegemilangan akademik sekaligus menjadikan rakyat Perlis bertaraf profesional dalam tahun-tahun mendatang. Kepada Jabatan Pelajaran Perlis, rebutlah peluang ini dengan iltizam dan permudahkanlah segala urusan sepanjang projek ini berlangsung. Bagi kerajaan negeri Perlis, saya sentiasa akan menyokong penuh usaha murni ini dan berjanji akan membantu bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjaya dan mengangkat kejayaan projek ini ke pengetahuan YAB

Perdana Menteri, insyaallah..

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada petang ini. Harapan saya agar pengajuran Projek Jejak Kampus ini mencapai objektifnya. Kepada para pelajar & sekolah yang terpilih menjadi peserta, ucapan Tahniah saya ucapkan. Manafaatkanlah peluang yang diberikan ini dengan sebaiknya kerana anda yang terpilih ini adalah mereka yang beruntung mendapat kepercayaan untuk merasai corak kehidupan di kampus. Kita yakin bahawa pelajar yang terpilih ini akan berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT kelak. Oleh itu, janganlah sia-siakan kepercayaan yang diberikan ini.
  
12. Buat pihak pengajur khususnya UniMAP, JPN Perlis dan BAKTI sekali lagi ucapan tahniah diatas pengajuran ini dan sekalung penghargaan di atas kesudian mengundang saya ke majlis ini. Semoga usaha murni anda ini akan mendapat ganjaran yang setimpalnya dari Allah S.W.T.

Dengan lafaz Bismillahi Rahmannir Rahim, saya dengan rasa sukacitanya melancarkan **Majlis Pelancaran Projek Jejak Kampus 2011**

Sekian. Terima kasih.